

16 MAY 1997

Aids

PLAN STRATEGIK MENGENAI AIDS DIPERLUKAN

MELAKA, 16 Mei (Bernama) -- Presiden Majlis Aids Malaysia (MAM) Datin Paduka Marina Mahathir berkata satu pelan strategik kebangsaan mengenai Aids perlu dirumus segera bagi meningkatkan usaha menangani gejala itu.

Dengan adanya pelan seperti itu, program bertindak mengenai Aids dapat dijalankan di setiap peringkat termasuk negeri, daerah dan jabatan-jabatan kerajaan dengan lebih kemas dan berkesan.

Semasa bercakap kepada pemberita selepas berucap pada Forum Kesedaran Aids anjuran sebuah persatuan di sini hari ini, Marina berkata tahap kesedaran mengenai HIV dan Aids di kalangan masyarakat masih pada tahap menyedihkan.

Oleh itu semua pihak perlu lebih giat dalam usaha memberi kesedaran mengenai Aids kerana ia satu masalah dan ancaman yang serius terutama apabila kefahaman asas mengenainya dan cara jangkitannya belum difahami dengan meluas.

MAM akan meminta kerajaan supaya menggubal segera pelan berkenaan kerana kerajaan mempunyai rangkaian terbaik bagi melaksanakan sebarang program atau tindakan yang meluas, katanya.

Sebagai usaha awal, Marina berkata MAM akan menganjurkan satu persidangan tidak lama lagi bertujuan merumuskan satu pelan strategik mengenai Aids untuk wanita.

Ditanya mengenai laporan sebuah akhbar tentang ancaman Aids akibat penggunaan pisau cukur di kedai gunting rambut, beliau berkata kebimbangan mengenai perkara itu adalah isu 10 tahun lepas.

"Nampaknya masih ada di kalangan kita yang belum jelas dan faham mengenai Aids dan cara-cara jangkitannya.

"Jangkitan cara itu adalah bawah kategori risiko rendah atau boleh berjangkit pada teori sahaja," katanya.

Risiko sebenar jangkitan HIV ialah melalui perhubungan seks, perkongsian alat suntikan dan menerusi ibu hamil yang dijangkiti virus itu kepada anaknya. -- BERNAMA

MOZ RON